



PETIKAN AKHBAR

Kerajaan komited untuk terus bantu sektor PKS – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 20 MAC 2021

ALOR SETAR, 20 Mac – Peranan serta sumbangan penting perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mendorong kerajaan untuk terus menyediakan pelbagai bentuk inisiatif bagi membantu memulihkan sektor tersebut.

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata sektor berkenaan juga merupakan penyumbang terbesar dari segi pekerjaan menerusi pembabitan 70 peratus tenaga kerja di negara ini.

“Banyak pakej ransangan ekonomi yang diumumkan sebelum ini seperti PRIHATIN (Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat), KITA PRIHATIN dan PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara) memberi fokus kepada PKS dan PKS mikro.



Menteri Kewangan Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz (dua, kanan) berbincang seketika bersama Pengerusi Koperasi Pekan Rabu, Ridhuwan Mustafa (kanan) ketika melakukan 'walkabout' selepas melancarkan Program Digital Pekan Rabu hari ini. Program Digital Pekan Rabu adalah satu inisiatif bagi menggalak peniaga kecil yang beroperasi di kompleks itu melakukan aktiviti perniagaan secara dalam talian. --foto BERNAMA (2021) HAK CIPTA TERPELIHARA